

1982

KUALA LUMPUR, 4 SEPT. (BERNAMA) -- KEKUATAN DAN PERANAN UMNO SEBAGAI TONGGAK PEMERINTAHAN NEGARA AKAN LUPUT APABILA MINAT ORANG MELAYU TERHADAP POLITIK MENJADI PUDAR, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGINGATKAN HARI INI.

OLEH ITU ADALAH PENTING BAGI PARA PEMIMPIN DAN SELURUH ANGGOTA UMNO MEMPASTIKAN MINAT BERPOLITIK DI KALANGAN ORANG-ORANG MELAYU TERUS SEGAR SUPAYA DAPAT TERUS MENGEKALKAN KUASA POLITIK DI NEGARA INI, KATA PERDANA MENTERI.

BERUCAP MERASMIKAN KONVENSYEN UMNO SELANGOR DI DEWAN ORANG RAMAI SELAYANG, BELIAU BERKATA UMNO MENJADI TULANG BELAKANG KERAJAAN SEJAK MERDEKA KERANA MINAT YANG BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK BERJUANG DALAM POLITIK MELALUI UMNO.

"RAMAI SAHAJA ORANG MELAYU TANPA MINAT DALAM POLITIK TIDAK AKAN MENDATANGKAN KESAN KEPADA KITA," KATA PRESIDEN UMNO.

BELIAU BERHARAP MINAT TERSEBUT TIDAK AKAN MENJADI LEMAH ATAU "ALAMATNYA IALAH KUASA YANG KETIKA INI ADA PADA KITA AKAN DILUCUTKAN." TEGASNYA. -- LAGI 1228/PA

PM-UMNO 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA UMNO BERJUANG BUKAN SEMATA-MATA UNTUK MEREBut KUASA TETAPI MENGANGGAPKAN KUASA ITU PENTING KERANA MELALUINYA UMNO DAPAT MENENTUKAN NASIB ORANG-ORANG MELAYU.

+KITA BUKAN BERKEHENDAKKAN KUASA KERANA KUASA TETAPI KERANA KUASA ITU MEMBERI PELUANG KEPADA KITA MEMPERTAHAKAN KEDUDUKAN KITA,+ KATANYA.

UMNO JUGA TIDAK MENUNTUT SUATU KEDUDUKAN YANG JAUH LEBIH TINGGI DAN KUAT DARIPADA ORANG LAIN TETAPI HANYA MENUNTUT APA YANG MENJADI HAK KEPADANYA, KATANYA.

SEJAK MERDEKA ORANG-ORANG MELAYU TELAH MENUNJUKKAN YANG MEREKA TIDAK TAMAK DAN TIDAK INGIN MEMBOLOT SEMUA DAN SEDAR TENTANG PERANAN ORANG LAIN DI NEGARA INI.

MENURUT BELIAU, APA YANG DIPERJUANGKAN IALAH UNTUK MENCAPAI SUATU KEDUDUKAN SUPAYA ORANG-ORANG MELAYU DAPAT +DUDUK BAMA RENDAH DAN BERDIRI SAMA TINGGI+ DENGAN ORANG LAIN SUPAYA TIDAK +DI PERHAMBAKAN+ DI DALAM NEGARA MEREKA SENDIRI. --LAGI 1247/OM

PM-UMNO 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI SELANJUTNYA MENYATAKAN BAHAWA MESKIPUN TERDAPAT BEBERAPA BUAH PARTI POLITIK YANG MEMBUKA KEANGGOTAANNYA KEPADA ORANG-ORANG MELAYU, TETAPI RAMAI MENGAKUI BAHAWA UMNO BAHAJALAH YANG BENAR-BENAR BERJUANGAN UNTUK KEPENTINGAN DAN KESEJAHTERAAN ORANG-ORANG MELAYU.

OLEH YANG DEMIKIAN BELIAU MENYERU PARA PEMIMPIN DAN SELURUH ANGGOTA UMNO MENINGKATKAN USAHA MASING-MASING UNTUK MEMUPUK SEMANGAT PERJUANGAN DI KALANGAN GENERASI MUDA.

+KITA HENDAK SUPAYA DISUSUN SATU GOLONGAN PELAPIS YANG AKAN MENGAMBIL TEMPAT KITA SELEPAS KITA PERGI,+ KATANYA.

INI IALAH UNTUK MENENTUKAN YANG PERJUANGAN UMNO TERSEBUT DEKALKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SELANJUTNYA MENYATAKAN MATLAMAT PERJUANGAN UMNO SEBENARNYA MASIH BELUM DICAPAI DAN MATLAMAT TERSEBUT SENTIASA BERUBAH DENGAN PERTUKARAN PEMIMPIN.

DALAM PERJUANGAN UNTUK MEMPERKUATKAN KEDUDUKAN PARTI, BEBERAPA STRATEGI PERLU DI RAHSIAKAN SUPAYA TIDAK SAMPAI KE PIHAK MUSUH. --

PM-UMNO 4 KUALA LUMPUR

BELIAU MENINGATKAN PARA PESERTA KONVENSYEN ITU BAHAWA STRATEGI TERSEBUT JIKA DIBINCANGKAN SECARA TERBUKA MUNGKIN AKAN MENJEJASKAN KEKUATAN DAN KEDUDUKAN PARTI SENDIRI.

BEBERAPA MATLAMAT DAN STRATEGI TERTENTU PERLU DISEMBUNYIKAN SUPAYA PIHAK LAWATIDAK DAPAT MEMBUAT PERSEDIAAN MENENTANGNYA.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR MASALAH MENYIMPAN RAHSIA ADALAH BEGITU SUKAR SEHINGGA PERKARA YANG BERLAKU DALAM BILIK PERDANA MENTERI DIKETAHUI ORANG RAMAI.

+KADANG-KADANG KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN AWAL-AWAL LAGI DILAPORKAN AKHBAR SEBELUM SAYA SENDIRI MENGETAHUI KEPUTUSAN ITU,+ KATANYA.

+DEMIKIANLAH CEKAPNYA ORANG-ORANG KITA,+ KATANYA.+ INI MENUNJUKKAN KITA SUDAH MENJADI MASYARAKAT YANG +SOPHISTICATED+ DALAM MEMBONGKAR RAHSIA+ TAMBAHNYA DISAMBUT DENGAN KETAWA GEMURUH DARI PARA PERWAKILAN.

TETAPI BELIAU MENGINGATKAN SUPAYA BERHATI-HATI AGAR TIDAK DIBONGKARKAN RAHSIA YANG MERUGIKAN PARTI DAN KERAJAAN ENDIRI.

MENGENAI PEMILIHAN KETUA-KETUA PEMUDA DAN WANITA UMNO YANG AKAN DATANG, BELIAU MENGINGATKAN SELURUH ANGGOTA UMNO SUPAYA MEMPASTIKAN PERPADUAN PARTI TETAP UTUH.

+YANG PENTING UMNO MENANG,+ TEGASNYA. --LAGI 1325/OM

PM - UMNO 5 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Datuk Haji Ahmad Razali Haji Ali memberitahu bahawa bilangan cawangan UMNO di seluruh negeri bertambah kepada 458 tahun ini dengan jumlah anggota meningkat kepada 105,328 iaitu kenaikan 12 peratus berbanding dengan 446 cawangan dan 99,903 anggota tahun lalu.

Prestasi ini akan bertambah baik lagi dalam suasana pimpinan +dua M+ sekarang, katanya.

Datuk Haji Ahmad Razali yang juga Menteri Besar Selangor berkata para anggota UMNO di semua peringkat di Selangor menerima perubahan-perubahan yang berlaku bagi kepentingan kemajuan parti.

Konvensyen sehari suntuk itu akan membincangkan kertas kerja bertajuk: +Perkembangan dan kemampuan UMNO mengurus dan menghadapi politik negara.+

Seramai 320 orang peserta termasuk wakil-wakil rakyat UMNO dan anggota-anggota jawatankuasa perhubungan UMNO negeri menghandiri konvensyen tersebut. -- BERNAMA 1422/MK